

Perhimpunan bulanan Jabatan Pendidikan W.P. Labuan bagi bulan April tampil keunikan.



LABUAN: Perhimpunan bulanan Pengarah Pendidikan bersama warga Jabatan Pendidikan WP Labuan bagi bulan April telah berlangsung pada pagi tadi bertempat di Dewan Kuliah Utama, Institut Latihan Perindustrian (ILP), WP Labuan. Bertemakan '*Keindahan Aidilfitri, Menganyam Tradisi, Menjangkau Teknologi*' dan busana seperti sambutan aidilfitri jelas menunjukkan kelainan dan keunikan majlis berbanding sebelum ini, lebih-lebih lagi diadakan sempena aidilfitri iaitu bulan syawal.

Dalam ucapan amanat Pengarah Pendidikan WP Labuan, Tuan Haji Abidin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sektor yang meneraju perhimpunan bulan kali ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dalam memastikan objektif atau matlamat majlis tercapai walaupun jadual agak padat dengan pelbagai aktiviti dan program, ujarinya.

Beliau turut menzahirkan ucapan tahniah kepada semua atas jalinan kerjasama yang efektif di antara sektor-sektor di Jabatan ini serta bekerja sebagai satu pasukan dalam menjayakan sesuatu tugas demi memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan, tambahannya lagi. Sebelum menamatkan ucapannya, beliau sempat mendeklamasikan puisi khas kepada hadirin yang hadir.

Antara kelainan pengisian perhimpunan bulanan kali ini termasuklah pelancaran Buku koleksi Puisi Cinta KELPEN Edisi khas Ramadhan 2024. Menurut Puan Suriani, Pengerusi Kelab Pendidikan Labuan, dalam ulasannya, setiap puisi yang dihasilkan tidak hanya menyentuh hati, tetapi juga membawa satu pengalaman yang mendalam kepada para pembaca. Puisi diterjemah melalui kata-kata yang indah dan pemikiran yang mendalam. Beliau juga yakin dengan karya-karya yang dihasilkan akan terus mempersonakan dan memberi inspirasi kepada ramai orang. Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penghasilan buku ini.

Majlis turut diisi dengan slot penyampaian anugerah khas Pengarah atas kejayaan sekolah-sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan dan penyampaian sijil watikah pelantikan kepada Pegawai-pegawai Teknikal Sukan di Wilayah ini. Di samping itu, Pengarah Pendidikan turut menyampaikan anugerah bagi staf terbaik bulan ini dan bersama-sama meraikan sambutan hari lahir bagi warga pendidik pada bulan ini. Dalam perhimpunan kali ini juga, selain sambutan hari lahir kepada staf dan PGB yang lahir pada bulan ini, hadirin turut diserikan dengan persembahan nyanyian lagu raya daripada Sektor Pengurusan dan Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan

Pendidikan WP Labuan.



Pengarah Pendidikan mengabdikan kenangan bersama barisan jawatankuasa program.



Gimik Perasmian Buku Koleksi Puisi Cinta oleh Tuan Haji Abidin Marjan, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan bersama-sama para penulis puisi.



Sumber berita: En. Anwar bin Ibrahim